

TIRJUP TANAH
Brown Shrike

FAMILI: Laniidae
NAMA SAINTIFIK: *Lanius cristatus*



CIRI-CIRI

Paruh yang kecil merupakan identiti bagi spesies ini, warna kelabu menutupi bahagian belakangnya, kepala dan tengkuk spesies ini pula berwarna coklat kemerahan, sayap dan ekor kecil, bulu belakang nampak hitam, ciri keistimewaan disekitar mata ada topeng, bahagian bawah badan berwarna krim. Jarang berkicau dan susah dijumpai dikawasan terbuka.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah antara 19.0 sm-20.0 sm.

MAKANAN

Bersifat pemangsa, memakan serangga besar, reptilian, burung dan mamalia kecil. Makanan biasanya disimpan dengan dicucuk pada tempat yang tajam sebelum dimakan semula kemudian.

HABITAT

Kawasan terbuka, kawasan perladangan, kawasan tanah pamah, hutan sekunder hingga ketinggian 2,000 meter dan pinggir hutan.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi amaran bernada tinggi iaitu *chak-ak-ak-ak-ak* apabila merasakan terdapat bahaya di sekeliling.

PEMBIAKAN

Pembiakan adalah diantara bulan Mei hingga Ogos setiap tahun.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara